

Surah Al Qamar
Ayat 1

اقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَّ الْقَمَرُ

Translation

Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat), dan terbelahlah bulan.

Surah Al Qamar
Ayat 2

وَإِنْ يَرَوْا آيَةً يُعْرَضُوا وَيَقُولُوا سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ

Translation

Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat, mereka berpaling ingkar sambil berkata: Ini adalah sihir yang terus menerus berlaku.

Surah Al Qamar
Ayat 3

وَكَذَّبُوا وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقَرٌّ

Translation

Dan mereka berdusta serta menurut hawa nafsu mereka, sedang tiap-tiap perkara tetap menurut keadaan yang ditentukan oleh Allah.

Surah Al Qamar
Ayat 4

وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنَ الْأَنْبَاءِ مَا فِيهِ مُزْدَجَرٌ

Translation

Dan sesungguhnya! Telah sampai kepada mereka sebahagian dari kisah-kisah dan berita yang mengandung ancaman.

Surah Al Qamar
Ayat 5

حِكْمَةٌ بِالْعَمَةِ فَمَا تُغْنِ النَّذْرُ

Translation

(Yang demikian ialah) pengajaran yang cukup sempurna; dalam pada itu, segala peringatan dan amaran tidak akan mendatangkan faedah.

Surah Al Qamar

Ayat 6

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ يَوْمَ يَدْعُ الدَّاعُ إِلَىٰ شَيْءٍ نُّكْرٍ

Translation

Oleh itu, berpalinglah dari mereka. (Ingatlah) masa seorang penyeru akan menyeru kepada perkara yang tidak diinginkan (oleh orang yang bersalah).

Surah Al Qamar

Ayat 7

خُشَعًا أَبْصَارُهُمْ يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ

Translation

(Pada saat itu) masing-masing dengan keadaan menundukkan pandangannya kerana ketakutan keluar dari kubur seperti belalang yang terbang bertebaran.

Surah Al Qamar

Ayat 8

مُهْطِعِينَ إِلَىٰ الدَّاعِ يَقُولُ الْكَافِرُونَ هَذَا يَوْمٌ عَسِيرٌ

Translation

Masing-masing dengan cepatnya menuju kepada penyeru itu. Orang yang kafir berkata: Hari ini ialah hari yang sangat-sangat sukar!

Surah Al Qamar

Ayat 9

كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَّبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا مَجْنُونٌ وَازْدُجِرَ

Translation

Sebelum mereka, kaum Nabi Nuh juga telah berdusta; mereka mendustakan hamba Kami dengan berkata: Ia seorang gila; dan ia telah diancam.

Surah Al Qamar
Ayat 10

فَدَعَا رَبَّهُ أَنِّي مَغْلُوبٌ فَانْتَصِرْ

Translation

Lalu ia berdoa kepada Tuhannya dengan berkata: Sesungguhnya aku ini dikalahkan, oleh itu menangkanlah daku (terhadap mereka)!

Surah Al Qamar
Ayat 11

فَقَتَحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُّهِمِرٍ

Translation

Maka Kami bukakan pintu-pintu langit, dengan menurunkan hujan yang mencurah-curah.

Surah Al Qamar
Ayat 12

وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاء عَلَى أَمْرٍ قَدْرٍ

Translation

Dan Kami jadikan bumi memancarkan mata air-mata air, lalu bertemulah air langit dan bumi itu untuk melakukan satu perkara yang telah ditetapkan.

Surah Al Qamar
Ayat 13

وَحَمَلْنَاهُ عَلَى ذَاتِ أَلْوَابٍ وَّ دُسرٍ

Translation

Dan Kami bawa naik Nabi Nuh beserta pengikut-pengikutnya di atas bahtera yang dibina dari keping-keping papan dan paku.

Surah Al Qamar

Ayat 14

تَجْرِي بِأَعْيُنِنَا جَزَاء لِّمَن كَانَ كُفِرًا

Translation

Yang belayar laju dengan pemeliharaan dan pengawasan Kami; (Kami melakukan yang demikian dan menimpakan taufan itu) sebagai balasan bagi orang yang kufur ingkar!

Surah Al Qamar

Ayat 15

وَلَقَدْ تَرَكْنَاهَا آيَةً فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Translation

Dan demi sesungguhnya! Kami telah jadikan bahtera itu sebagai satu tanda yang menjadi pengajaran, maka adakah orang yang mahu beringat dan insaf?

Surah Al Qamar

Ayat 16

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذْرٍ

Translation

Oleh itu, perhatikanlah bagaimana buruknya azab-Ku dan kesan amaran-amaran-Ku.

Surah Al Qamar

Ayat 17

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Translation

Dan sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?

Surah Al Qamar
Ayat 18

كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٌ

Translation

(Demikian juga) kaum Aad telah mendustakan Rasulnya; maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azab-Ku dan kesan amaran-amaran-Ku!

Surah Al Qamar
Ayat 19

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِي يَوْمٍ نَحْسٍ مُّسْتَمِرٍّ

Translation

Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin ribut yang kencang, pada hari nahas yang berlanjutan.

Surah Al Qamar
Ayat 20

تَنْزَعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أُعْجَازُ نَخْلٍ مَنْقَعِرٍ

Translation

Yang menumbangkan manusia gugur bergelimpangan, seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang terbongkar.

Surah Al Qamar
Ayat 21

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرٌ

Translation

Maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azab-Ku dan kesan amaran-amaran-Ku!

Surah Al Qamar
Ayat 22

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Translation

Dan sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?

Surah Al Qamar
Ayat 23

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِالنُّذُرِ

Translation

Kaum Thamud juga telah mendustakan peringatan dan amaran yang disampaikan oleh Rasul mereka.

Surah Al Qamar
Ayat 24

فَقَالُوا أَبَشْرًا مِثَّا وَاحِدًا نَتَّبِعُهُ إِنَّا إِدَا لَفِي ضَلَالٍ وَسُعُرٍ

Translation

Lalu mereka berkata: Patutkah kita menurut manusia dari jenis kita, lagi yang berseorang? Jika demikian, sesungguhnya kita dalam keadaan sesat dan gila!

Surah Al Qamar
Ayat 25

أَوَلْقِيَ الذِّكْرُ عَلَيْهِ مِنْ بَيْنِنَا بَلْ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرٌّ

Translation

Tidaklah patut wahi peringatan itu diturunkan kepadanya di antara kita. Bahkan dialah seorang pendusta, lagi sombong angkuh.

Surah Al Qamar
Ayat 26

سَيَعْلَمُونَ عَدَاً مِّنَ الْكَذَّابِ الْأَشِرِّ

Translation

Mereka akan mengetahui kelak siapakah orangnya yang pendusta, lagi sombong angkuh itu.

Surah Al Qamar

Ayat 27

إِنَّا مُرْسِلُو النَّاقَةِ فِتْنَةً لَهُمْ فَارْتَقِبْهُمْ وَاصْطَبِرْ

Translation

Sesungguhnya Kami menghantarkan unta betina sebagai ujian bagi mereka. Maka tunggulah serta bersabarlah terhadap tentangan mereka.

Surah Al Qamar

Ayat 28

وَنَبِّئُهُمْ أَنَّ الْمَاءَ قِسْمَةٌ بَيْنَهُمْ كُلُّ شِرْبٍ مُحْتَضَرٌ

Translation

Dan khabarkanlah kepada mereka, bahwasanya air itu dibahagi antara mereka dengan unta itu, setiap bahagian air itu diambil mengikut gilirannya.

Surah Al Qamar

Ayat 29

فَنَادَوْا صَاحِبَهُمْ فَتَعَاطَى فَعَقَرَ

Translation

Maka mereka memanggil kawan mereka, ia pun bertindak sampai dapat membunuhnya.

Surah Al Qamar

Ayat 30

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذْرٍ

Translation

Maka perhatikanlah, bagaimana buruknya azab-Ku dan kesan amaran-amaran-Ku!

Surah Al Qamar

Ayat 31

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَاحِدَةً فَكَانُوا كَهَشِيمِ الْمُحْتَظِرِ

Translation

Sesungguhnya Kami hantarkan kepada mereka satu pekikan, lalu jadilah mereka seperti daun-daun kering, yang dikumpulkan oleh penternak binatang.

Surah Al Qamar

Ayat 32

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Translation

Dan sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?

Surah Al Qamar

Ayat 33

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ بِالَّذُرِّ

Translation

Demikian juga kaum Nabi Lut telah mendustakan peringatan dan amaran Rasulnya.

Surah Al Qamar

Ayat 34

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَّا آلَ لُوطٍ نَجَّيْنَاهُمْ بِسَحَرٍ

Translation

Sesungguhnya Kami telah hantarkan kepada mereka angin ribut yang mengandungi batu, kecuali keluarga Nabi Lut, Kami selamatkan mereka waktu jauh malam.

Surah Al Qamar
Ayat 35

نِعْمَةٌ مِّنْ عِنْدِنَا كَذَلِكَ نَجْزِي مَنْ شَكَرَ

Translation

Sebagai limpah kurnia dari Kami. Demikianlah kami membalas orang yang bersyukur.

Surah Al Qamar
Ayat 36

وَلَقَدْ أَنْدَرَهُمْ بَطْشَتْنَا فَتَمَارَوْا بِالنُّذُرِ

Translation

Dan sesungguhnya! Nabi Lut telah memberi amaran kepada mereka mengenai azab seksa Kami; tetapi mereka tetap mendustakan amaran-amaran itu.

Surah Al Qamar
Ayat 37

وَلَقَدْ رَاوَدُوهُ عَن ضَيْفِهِ فَطَمَسْنَا أَعْيُنَهُمْ فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ

Translation

Dan sesungguhnya mereka telah memujuk Nabi Lut mengenai tetamunya, lalu Kami butakan mata mereka, maka rasalah azab-Ku dan amaran-Ku.

Surah Al Qamar
Ayat 38

وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقَرٌّ

Translation

Dan demi sesungguhnya! Mereka telah ditimpa azab yang kekal pada pagi-pagi hari.

Surah Al Qamar
Ayat 39

فَدُوقُوا عَذَابِي وَنُذْرَ

Translation

Lalu (dikatakan kepada mereka): Rasalah azab-Ku, dan kesan amaran-amaran-Ku!

Surah Al Qamar
Ayat 40

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Translation

Dan sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?

Surah Al Qamar
Ayat 41

وَلَقَدْ جَاءَ آلَ فِرْعَوْنَ النُّذْرُ

Translation

Dan demi sesungguhnya! Firaun dan kaumnya telah didatangi Rasul-rasul pemberi amaran.

Surah Al Qamar
Ayat 42

كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا كُلِّهَا فَأَخَذْنَاهُمْ أَحَدًا عَزِيزٍ مُّقْتَدِرٍ

Translation

Mereka telah mendustakan mukjizat Kami semuanya, lalu Kami timpakan azab kepada mereka sebagai seksaan dari Yang Maha Perkasa, lagi Maha Kuasa.

Surah Al Qamar
Ayat 43

أَكْفَارُكُمْ خَيْرٌ مِّنْ أَوْلَادِكُمْ أَمْ لَكُمْ بَرَاءَةٌ فِي الزُّبُرِ

Translation

Adakah orang kafir dari kamu, lebih baik daripada kaum-kaum kafir itu?
Ataukah kamu dapat berlepas diri dari azab yang tersebut di dalam Kitab terdahulu.

Surah Al Qamar
Ayat 44

أَمْ يَفُولُونَ نَحْنُ جَمِيعٌ مُّنتَصِرُونَ

Translation

Bahkan mereka akan berkata dengan angkuhnya: Kami satu kaum yang bersatu, yang sudah tentu dapat membela diri!

Surah Al Qamar
Ayat 45

سَيَهْزِمُ الْجَمْعُ وَيُولُونَ الدُّبُرَ

Translation

Kumpulan mereka yang bersatu itu tetap akan dikalahkan, dan mereka pula akan berpaling lari.

Surah Al Qamar
Ayat 46

بَلِ السَّاعَةِ مَوْعِدُهُمْ وَالسَّاعَةِ أَذَى وَأَمْرٌ

Translation

Bahkan hari kiamat ialah hari yang dijanjikan kepada mereka. Dan azab seksa hari kiamat itu amat dahsyat dan amat pahit.

Surah Al Qamar
Ayat 47

إِنَّ الْمُجْرِمِينَ فِي ضَلَالٍ وَسُعُرٍ

Translation

Sesungguhnya orang yang berdosa berada dalam keadaan sesat dan siksaan.

Surah Al Qamar

Ayat 48

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِي النَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُوقُوا مَسَّ سَقَرَ

Translation

Semasa mereka diseret di dalam Neraka dengan tertiarap atas muka mereka, serta dikatakan kepada mereka: Rasalah kamu bakaran api Neraka.

Surah Al Qamar

Ayat 49

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Translation

Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir yang telah ditentukan.

Surah Al Qamar

Ayat 50

وَمَا أَمْرُنَا إِلَّا وَاحِدَةٌ كَلَمْحٍ بِالْبَصَرِ

Translation

Dan hal Kami dalam melaksanakan apa yang Kami kehendaki, hanyalah satu cara sahaja, cepat seperti sekelip mata.

Surah Al Qamar

Ayat 51

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا أَشْيَاعَكُمْ فَهَلْ مِنْ مَّذَكِّرٍ

Translation

Dan sesungguhnya Kami telah binasakan orang yang sama keadaannya seperti kamu; maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan?

Surah Al Qamar

Ayat 52

وَكُلُّ شَيْءٍ فَعْلُوهُ فِي الزُّبُرِ

Translation

Dan tiap-tiap perkara yang mereka lakukan, adalah tertulis di dalam Kitab suratan amal.

Surah Al Qamar

Ayat 53

وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُسْتَنْطَرٌ

Translation

Dan tiap-tiap perkara yang kecil dan yang besar tetap tercatat.

Surah Al Qamar

Ayat 54

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهَرٍ

Translation

Sesungguhnya orang yang bertakwa, di tempatkan dalam taman-taman syurga yang indah dan dekat beberapa sungai.

Surah Al Qamar

Ayat 55

فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِكٍ مُّقْتَدِرٍ

Translation

Di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan Yang Menguasai segala-galanya, lagi Yang Berkuasa melakukan sekehendak-Nya.

